



PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2013

Batu asas rangka gerak kerja PRU-14

Perhimpunan Agung UMNO 2013 (PAU2013) walaupun diadakan selepas pemilihan UMNO, namun tetap ada daya tarikkannya tersendiri. Apatah lagi PAU2013 dilihat sebagai wadah terbaik untuk ahli menilai semula prestasi, terutama pencapaian dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) serta proses pemilihan parti baru-baru ini.

Dua peristiwa penting terbabit perlu dijadikan iktibar dan panduan dalam menentukan hala tuju UMNO pada tahun berikutnya. Malah, ramai yang beranggapan PAU2013 sewajarnya meletak batu asas untuk gerak kerja menuju PRU-14 agar UMNO terus kekal relevan dan mendapat sokongan bukan saja orang Melayu tetapi seluruh rakyat Malaysia.

Perwakilan yang bakal menyertai perhimpunan kali ini perlu menyedari hakikat dan signifikan perhimpunan tahun ini yang menuntut mereka memberi perhatian khusus terhadap proses post mortem atau bedah siasat terhadap dua perkara penting terbabit. Terimalah hakikat bahawa PRU-13 dan pemilihan UMNO meninggalkan kesan yang cukup mendalam kepada UMNO dan orang Melayu secara keseluruhannya. Walaupun Barisan Nasional (BN) terus diberi mandat untuk memerintah, realitinya BN masih gagal untuk meraih kemenangan majoriti dua pertiga.

Walaupun prestasi UMNO masih boleh dibanggakan dalam PRU-13 apabila kerusi yang dimenangi bertambah daripada 79 pada PRU-12 kepada 88 pada PRU-13, namun prestasi parti komponen serta sokongan orang bukan Melayu baik terhadap UMNO mahupun BN masih tidak begitu memberangsangkan.

Perwakilan perlu merungkai isu ini secara mendalam dan serius. Misalnya usaha untuk terus menarik sokongan orang Melayu, terutama golongan muda perlu dibincang dan diperhalusi secara terperinci dalam perhimpunan ini. Hal ini penting kerana kelompok anak muda bakal menjadi penentu utama dalam PRU-14 akan datang, justeru UMNO perlu terus mencari jalan untuk menarik sokongan dan kepercayaan golongan belia serta orang Melayu secara keseluruhannya.

Di samping tu UMNO juga perlu tampil dengan inisiatif untuk meraih kepercayaan orang bukan Melayu kerana untuk meraih ke-



KERJA-kerja akhir dilakukan di hadapan potret pemimpin UMNO menjelang PAU2013.

menangan majoriti dua pertiga UMNO dan BN masih memerlukan sokongan kaum bukan Melayu yang kuat dan ampuh.

Untuk itu, perlu dikenal pasti apa punca BN masih gagal meraih majoriti dua pertiga. Bahaskan kenapa sokongan orang bukan Melayu masih kurang memihak kepada UMNO dan kaji kenapa golongan belia masih sukar untuk mendekati UMNO sepenuhnya. Jika BN dan UMNO ingin terus kekal memerintah pada PRU-14 maka gerak kerja untuk mengatasi segala kepincangan dan kelemahan dalam PRU-13 perlu dimulakan dari sekarang.

Permasalahan rakyat seperti peningkatan kos sara hidup, kepayahan siswazah untuk memperolehi peluang pekerjaan serta keperluan untuk membeli rumah pada kadar yang mampu milik perlu menjadi antara topik perbincangan utama agar seluruh rakyat Malaysia, terutama orang Melayu sedar betapa UMNO mampu tampil sebagai pembela rakyat dan orang Melayu.

Strategi menuju medan perang PRU-14 perlu dirangka dalam perhimpunan kali ini. Ia perlu mantap agar perwakilan yang hadir boleh membawa pulang mesej cukup jelas dan terperinci supaya dapat menyusun langkah bermula daripada peringkat akar umbi lagi. UMNO perlu sedar bahawa landskap politik negara sedang melalui proses transformasi yang sangat cepat dan pesat.

Keyakinan dan idealisme orang muda yang menuntut pelbagai keterbukaan dan ketelusan, penambahan bilangan golongan cerdik pandai dalam masyarakat yang mula menilai dan memper-

soalkan setiap tindak-tanduk ahli politik mahupun kerajaan, perang persepsi, fitnah dan tohmahan yang semakin menjadi-jadi, perang media sosial serta gaya dan budaya politik baru semakin mendapat perhatian dalam kalangan rakyat.

Maka persoalannya apakah ahli UMNO bersedia untuk menghadapi segala perubahan dan transformasi ini? Sepatutnya PAU2013 digunakan sebagai medan untuk merungkai isu seperti ini.

Walaupun tiada siapa yang menafikan rekod pencapaian dan sumbangan UMNO sejak 67 tahun yang lalu terhadap pembangunan negara dan rakyat, namun selama mana kita mahu berpaut dan berme-gah dengan sejarah kejayaan lampau? Hakikatnya rakyat memang harga segalanya UMNO selama ini, tetapi tuntutan untuk perubahan juga semakin kencang.

Pelantikan beberapa tokoh terkemuka sebagai Ahli Majlis Tertinggi (MT) tambahan UMNO perlu diterima sebagai satu keperluan mengikut peredaran zaman untuk pastikan UMNO terus kekal relevan. Pelantikan tokoh agama terkemuka seperti Ustaz Kazim Elias dan Dr Asyraf Wajdi Dusuki serta tokoh pendidikan seperti bekas Naib Canselor UiTM Prof Tan Sri Dr Ibrahim Abu Shah misalnya sewajarnya memantapkan UMNO secara menyeluruh. Sumbangan idea dan pemikiran mereka pastinya mampu mentransformasikan UMNO agar terus menjadi pembela nasib dan kebajikan rakyat. Selamat Bersidang.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

FAKTA
Prestasi UMNO boleh dibanggakan apabila kerusi dimenangi bertambah daripada 79 kepada 88 pada PRU-13